



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1) DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

6 Julai 2009

Sehingga 6 Julai 2009 jam 8.00 pagi terdapat **75** kes baru influenza A(H1N1) telah dilaporkan di Malaysia yang terdiri daripada **41** kes import dan 34 kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) di Malaysia sehingga 6 Julai 2009 adalah berjumlah **434** kes yang terdiri daripada **333** kes import dan **101** kes jangkitan tempatan. Tiada kematian dilaporkan.

Daripada 434 jumlah pesakit influenza A(H1N1), sejumlah 343 (79%) sebenarnya telah sembuh dan discaj daripada hospital. Baki pesakit yang sedang dirawat dihospital adalah berjumlah 91 orang.

Maklumat berkaitan 75 kes baru yang dilaporkan adalah melibatkan 64 warganegara Malaysia dan 11 warga asing iaitu, Indonesia (4), Filipina (3), Libya (1), Oman (1), Singapura (1) Australia (1). Daripada 41 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) iaitu Indonesia (14), Singapura (5), Thailand (5), Australia (5), UK (5), Filipina (3), Brunei (2), Rusia (1) dan Oman (1). Daripada 34 kes jangkitan

tempatan, 33 melibatkan warga tempatan dan (1) warga Filipina. Dua belas (12) daripada 34 kes jangkitan tempatan adalah dikalangan peserta Persidangan Farmaseutikal Asia Pasifik (APPC) yang telah diadakan di Pulau Pinang dari 27-30 Jun 2009. Jumlah peserta APPC yang dijangkiti ialah 25 dimana 18 merupakan jangkitan tempatan di kalangan warga Malaysia. Selain daripada itu, seramai 4 orang pelajar Sekolah Menengah Tsun Jin yang sedang dikuarantin telah disahkan positif. Maklumat berkaitan 75 kes yang dilaporkan pada hari ini ada dalam **Lampiran 1** yang disertakan.

Sebagai makluman, butiran 91 pesakit yang masih dirawat di hospital adalah seperti berikut; Hospital Sungai Buloh (17 pesakit), Hospital Kuala Lumpur (22 pesakit), Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu (16 pesakit), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (10 pesakit), Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (4 pesakit), Hospital Raja Pemaizuri Bainun, Ipoh (4 pesakit), Hospital Pulau Pinang (3), Hospital Tawau (3 kes), Hospital Batu Pahat (3 pesakit), Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (2 pesakit), Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu (2), Hospital Umum Sarawak (1 pesakit), Hospital *Queen Elizabeth*, Kota Kinabalu (1 pesakit), Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu (1 pesakit), Hospital Sultan Ahmad Shah Temerloh (1), Hospital Melaka (1) dan Hospital Miri (1 pesakit).

Jumlah kontak yang sedang menjalani kurantin di rumah adalah berjumlah 1,016 orang dan tiada diantara mereka mempunyai simptom. Tiada sekolah baru yang ditutup kerana jangkitan influenza A(H1N1).

Merujuk kepada situasi global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 6 Julai 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO

adalah sebanyak **91,457** kes dengan **387** kematian daripada **126** negara, iaitu pertambahan 392 kes. Lima (5) negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah China (182), Singapura (52), Veitnam (50), Australia (44) dan Brunei (31).

Nasihat Kepada Orang Ramai

1. Mereka yang sedang menjalani kuarantin di rumah adalah diminta untuk terus berada di rumah dan tidak pergi ke tempat-tempat awam atau menghadiri kelas tuisyen atau kelas agama. Semasa *home quarantine* 7 hari, mereka ini adalah diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin dan sekiranya mengalami gejala demam dan tanda-tanda seperti batuk, sakit tekak dan selesema hendak segera mendapatkan rawatan di hospital.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia meminta kerjasama daripada kesemua kontak yang terdiri dari penumpang termasuk krew penerbangan dari penerbangan yang terlibat dengan pengesanan kes positif influenza A(H1N1), terutama di 3 tempat duduk hadapan dan belakang kes-kes serta kiri dan kanan, supaya segera memaklumkan lokasi mereka untuk memudahkan pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan. Sila maklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau KKM melalui talian hotline seperti di bawah untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine* kepada mereka yang mempunyai kontak secara langsung dengan kes yang disahkan positif dan diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin.

3. Bagi individu yang baru pulang dari negara terjejas, tidak mempunyai kontak secara langsung dengan kes dan tidak mempunyai gejala, dinasihatkan untuk mengamalkan pemantauan sendiri (*self monitoring*) seperti yang telah dicatitkan dalam *health alert card* yang diberikan kepada mereka.
4. Kepada pelajar Malaysia dan mereka yang baru kembali bercuti di luar negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) adalah diminta untuk membuat pemantauan sendiri (*self monitoring*). Mereka yang mula merasa kurang sihat atau ada tanda awal jangkitan seperti batuk dan demam hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor yang berdekatan dan mengurangkan pergaulan dengan rakan lain termasuk mengelakkan diri dari menghadiri kelas dan bekerja di pejabat.
5. Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan dan mengamalkan langkah-langkah untuk tidak dijangkiti virus berkenaan.
6. Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan

maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan melalui laman web khas iaitu <http://h1n1.moh.gov.my> Untuk memudahkan orang awam mendapatkan maklumat berkaitan influenza A(H1N1), Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan Talian *Hotline* Influenza A(H1N1) yang beroperasi antara 8.00 pagi hingga 9.00 malam melalui 4 talian iaitu: **03-88810200, 03-88810300, 03-88834414 dan 03-88834415.**

Sekian dan terima kasih.

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 6 Julai 2009

SENARAI INFLUENZA A(H1N1) YANG DILAPORKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN PADA 5 JULAI 2009.

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
1	360	Filipina	36	Pembantu Rumah	Bercuti ke Malaysia	29 Jun 2009, AK663-SEAT 15B	Import	30-Jun-09	H.Sg Buloh	H.Sg Buloh
2	361	Malaysia	23	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	02-Jul-09	HRPZ II, Kelantan	HRPZ II, Kelantan
3	362	Malaysia	20	Tidak bekerja	Bercuti di Singapura	Melalui CIQ	Import	02-Jul-09	HSA JB	HSA JB
4	363	Malaysia	25	IT Programmer	Bercuti ke Manila	2 Jul 2009, MH 705, 33 J	Import	30-Jun-09	KLIA	HKL
5	364	Malaysia	20	Pekerja KLASSE kontak kes no.242	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	30-Jun-09	KLIA	H.Sg Buloh
6	365	Malaysia	29	Tiada maklumat	Melancong dari Preston, UK.	28 Jun 2009, KLIA, QR 624, 14 D)	Import	02-Jul-09	HTAR	H.Sg Buloh
7	366	Malaysia	19	Pelajar Kolej	Melancong dari Melbourne	02/05/09-30/06/09, Air Asia D 72723, Seat 2D	Import	02-Jul-09	H.Sg Buloh	H.Sg Buloh
8	367	Malaysia	22	Tiada maklumat	Melancong dari Bangkok	02 Jul 2009, FD3575 seat 11E.	Import	1-Jul-09	H.Serdang	H.Serdang
9	368	Malaysia	22	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	Tiada simptom	HRPB, Ipoh	HRPB, Ipoh

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
10	369	Malaysia	13	Pelajar Sekolah Tsun Jin kontak kes no. 140	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	1-Jul-09	H.Sg Buloh	HKL
11	370	Malaysia	44	Pengurus Syarikat.	Melancong dari Singapura	03 Jul 09, MH 614, Seat 23 C.	Import	07-Mar-09	PPUM	H.Sg Buloh
12	371	Malaysia	24	Pekerja KLASS kontak kes no.242	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	23-Jun-09	KLIA	H.Sg Buloh
13	372	Malaysia	41	Catering Service Royal Brunei Airline	Melancong dari Brunei dan Miri	Kenderaan sendiri	Import	30-Jun-09	H. Miri	H. Miri
14	373	Malaysia	19	Pelajar Adelide	Bercuti ke Malaysia	MH 138, Seat 25C,	Import	02-Jul-09	H.Sg Buloh	H.Sg Buloh
15	374	Indonesia	10	Pelajar	Melancong ke Indonesia bersama keluarga	Air Asia QZ 7452, Seat 14B	Import	28-Jun-09	H.Sg Buloh	H.Sg Buloh
16	375	Malaysia	19	Penganggur kontak kes no.314	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	2-Jul-09	HSA JB	HSA JB
17	376	Malaysia	22	Penganggur kontak kes no.314	Melancong ke Singapura	Singapore, daily travel thru CIQ	Import	2-Jul-09	HSA JB	HSA JB
18	377	Malaysia	22	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tiada maklumat	Tempatan	1-Jul-09	HTAR	H.Sg Buloh
19	378	Malaysia	24	Health Care Worker, Screening Officer Changi	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Import	2-Jul-09	HRPB, Ipoh	HRPB, Ipoh

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
20	379	Malaysia	21	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	2-Jul-09	H. Seberang Jaya	HPP
21	380	Malaysia	25	Tiada maklumat	Melancong dari London	13 June 09 - 28 June 09 Emirates EK 342	Import	1-Jul-09	HKL	HTJ, Seremban
22	381	Malaysia	23	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	Tiada maklumat	HTJ, Seremban	HTJ, Seremban
23	382	Malaysia	18	Pelajar Kolej	Tempatan	Tidak berkenaan	Tempatan	Tiada maklumat	PPUKM	PPUKM
24	383	Malaysia	62	Tiada maklumat	Melancong ke Jakarta, Indonesia	MH 74	Impot	Tiada maklumat	HKL	HKL
25	384	Malaysia	48	Kerani	Melancong ke Bintulu,	28 Jun 09 Kenderaan sendiri	Impot	26-Jun-09	HQE	HQE
26	385	Malaysia	41	Polis	Bercuti ke Jakarta	29 Jun 2009, KL 0810, 40E	Import	30-Jun-09	H. Sg. Buloh	H. Sg. Buloh
27	386	Malaysia	20	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	2-Jul-09	HPP	HPP
28	387	Malaysia	23	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	1-Jul-09	HPP	HPP
29	388	Malaysia	23	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	1-Jul-09	HSA, JB	HSA, JB

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
30	389	Malaysia	21	tiada maklumat	Menghadiri APCC di P Pinang	tidak berkenaan	Tempatan	tiada maklumat	HSA, JB	HAS, JB
31	390	Malaysia	15	Pelajar Sekolah Tsun Jin kontak kes no. 140	Tiada sejarah ke keluar negara	tiada berkenaan	Tempatan	tiada maklumat	PPUKM	PPUKM
32	391	Malaysia	23	Tiada maklumat	Tiada maklumat	Tiada maklumat	Import	tiada maklumat	HSA, JB	HSA, JB
33	392	Malaysia	36	Kontek terdekat kes no. 297	Tiada maklumat	Tiada maklumat	Tempatan	tiada maklumat	HSA, JB	HSA, JB
34	393	Libya	24	Pelancong	Melancong daripada Bali Indonesia	30 Jun 2009, AK365 Seat 28D, 30 Jun 9.15pm	Import	1 Jul. 09	PPUM	H Sg Buloh
35	394	Malaysia	19	Pelajar kolej kontek kes no. 395 dan 397	Melancong ke Bandung, Indonesia	Air Asia QZ 7594 Seat 6	Import	1 Jul. 09	HKL	HKL
36	395	Malaysia	50	Setiausaha, kontek kes no. 395 dan 397	Melancong ke Bandung, Indonesia	Air Asia QZ 7594 Seat 6A	Import	3 Jul. 09	HKL	HKL
37	396	Malaysia	19	Setiausaha	Kembali dari London	Tiada maklumat	Import	tiada maklumat	HKL	HKL
38	397	Malaysia	16	Pelajar kolej kontek kes no. 395 dan 397	Melancong ke Bandung, Indonesia	Air Asia QZ 7594 Seat 5A	Import	1 Jul. 09	HKL	HKL
39	398	Malaysia	14	Pelajar	Melancong ke Bangkok 21 Jun hingga 28 Jun 2009	Air Asia FD 3575 seat no. 6A arrival 12.05 pm	Import	1-Jul-09	H. Besut	H. Besut

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
40	399	Malaysia	19	Tiada maklumat	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tempatan	3-Jul-09	HKL	HKL
41	400	Malaysia	12	Student	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tempatan		HKL	HKL
42	401	Malaysia	15	Pelajar Sekolah Tsun Jin kontak kes no. 140	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	30-Jun-09	HUKM	HUKM
43	402	Indonesia	37	Bendahari Iqua Farudin	Dari Jakarta bercuti di Malaysia	QZ 7690 seat 17A	Import	3-Jul-09	H. Sg. Buloh	H. Sg. Buloh
44	403	Malaysia	34	Tiada maklumat	Bercuti ke Penang	Air Asia AK 5362	Tempatan	07-Mar-09	HPP	HPP
45	404	Malaysia	23	Peserta konferens APPC kontak kes no. 191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	2-Jul-09	HRPZ II, Kelantan	HRPZ II, Kelantan
46	405	Malaysia	20	Peserta konferens APPC kontak kes no. 191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	3-Jul-09	H. Seberang Jaya	HPP
47	406	Malaysia	21	Peserta konferens APPC kontak kes no. 191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	3-Jul-09	H. Seberang Jaya	H. Seberang Jaya
48	407	Malaysia	39	Surirumah	Bercuti ke Bandung, Indonesia	AK 769 Seat 16C	Import	Tiada maklumat	HSB, Alor Setar	HSB, Alor Setar
49	408	Malaysia	15	Pelajar Sekolah Tsun Jin kontak kes no. 140	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	30-Jun-09	HKL	HKL

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
50	409		33	Pelancong	Melancong daripada Thailand	Tiada maklumat	Import	03-Jul-09	HAS, JB	HAS, JB
51	410	Singapura	23	Tiada maklumat	Melborne ke LCCT, 3/7/09	D72723, Seat 29D	Import	07-Mar-09	HKL	HKL
52	411	Oman	34	Pelancong	Bercuti ke Pulau Tioman	Tiada maklumat	Import	03-Jul-09	KK Tekek, P. Tioman	HTAA
53	412	Malaysia	22	Tiada maklumat	Melancong ke Jakarta dari 26 Jun hingga 2 Julai 2009	Tiada maklumat	Import	Tiada maklumat	HKL	HKL
54	413	Malaysia	38	Surirumah	Melancong dari Indonesia	AK 393, Seta 11E	Import	Tiada maklumat	LCCT	H Ampang
55	414	Malaysia	25	Pekerja KLASS kontak kes no.242	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tempatan	27-Jun-09	KLIA	H. Sg. Buloh
56	415	Malaysia	22	Pekerja restoran Singapore	Bercuti ke Malaysia	Tiada maklumat	Import	3-Jul-09	HSA, JB	HAS, JB
57	416	Filipina	21	Tidak bekerja	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tempatan	3-Jul-09	HSA, JB	HSA, JB
58	417	Malaysia	26	kerja sendiri	Melancong Phuket, Thailand	Air Asia AK 837 arrival 12.30 am	Import	3-Jul-09	H. Batu Pahat	HAS JB
59	418	Malaysia	25	Pelajar kolej	Bercuti ke Bangkok	AK 757 seat 6F arrival 11.25 pm	Import	2-Jul-09	H. Sg. Buloh	H. Sg. Buloh

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
60	419	Malaysia	19	Peserta konferens APPC kontak kes no.191	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	3-Jul-09	HSA, JB	HAS JB
61	420	Malaysia	19	Pelajar kolej	Melancong dari London	D72009, Seat 44H	Import	26-Jun-09	HKL	H. Sg. Buloh
62	421	Malaysia	21	Pekerja KLASS kontak kes no.242	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	27-Jun-09	Tiada maklumat	Tiada maklumat
63	422	Malaysia	28	Design Engineer	Kursus di UK daripada 3 Jan hingga 28 Jun 2009	Tiada maklumat	Tempatan	30-Jun-09	H. Seberang Jaya	H. Seberang Jaya
64	423	Filipina	26	Kelasi kapal	Melancong ke Malaysia	MH 705, Seat 32 A.	Import	Tiada maklumat	H. Sg. Buloh	H. Sg. Buloh
65	424	Malaysia	21	Tiada maklumat	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tempatan	3-Jul-09	HRPB, Ipoh	HRPB, Ipoh
66	425	Malaysia	29	Tiada maklumat	Melancong ke Sydney	MH 140,	Import	2-Jul-09	H. Sg. Buloh	H. Sg. Buloh
67	426	Indonesia	3	Tiada maklumat	Dari Surabaya ke LCCT , arrive 3/7/09	AK 553, Seat 8, (DEF)	Impot	2-Jul-09	H. Sg. Buloh	H. Sg. Buloh
68	427	Malaysia	24	Penyanyi	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	3 Jul. 09	H. Tawau	H. Tawau
69	428	Malaysia	27	Jurutera	Bercuti ke Bali	30 Jun 09, AK 367. 20E	Impot	Tiada maklumat	H. Melaka	H. Melaka

BIL.	NO. KES	WARGANEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
70	429	Malaysia	18	Pelajar Sekolah Tsun Jin kontak kes no. 140	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	3 Jul. 09	PPUKM	PPUKM
71	430	Indonesia	47	Tiada maklumat	Bercuti ke Malaysia	Tiada maklumat	Import	Tiada maklumat	H. Penang	H. Penang
72	431	Malaysia	23	Pelajar Kolej Mosco	Bercuti ke Malaysia	Tiada maklumat	Import	2-Jul-09	HAS, JB	HAS, JB
73	432	Malaysia	16	Pelajar	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tempatan	7-Jan-09	H. Ampang	H. Sg. Buloh
74	433	Malaysia	21	Pelajar Kontak kes no. kes 238	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tempatan	7-Feb-09	H. Serdang	H. Serdang
75	434	Malaysia	22	Pelajar Sydney	Bercuti ke Malaysia	MH 148, Seat 12 H	Import	7-Jan-09	PPUKM	HKL